

# KULIAH ZOHOR

**“Mencari Pujian”**

**Masjid Maarof | 6 November 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat Al-Quran

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا أَتَوْا وَيُحِبُّونَ أَنْ يُحْمَدُوا  
بِمَا لَمْ يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسَبَنَّهُمْ بِمَفَازَةٍ مِنَ الْعَذَابِ وَلَهُمْ  
عَذَابٌ أَلِيمٌ

“Janganlah sekali-kali kamu menyangka bahawa orang-orang yang gembira dengan apa yang telah mereka kerjakan dan mereka suka supaya dipuji terhadap perbuatan yang belum mereka kerjakan, janganlah kamu menyangka bahawa mereka terlepas dari siksa dan bagi mereka siksa yang pedih.” (Ali Imran : 188)

# Pengajaran

1. Walau pun asal ayat ini diturunkan ke atas Ahli Kitab dan orang-orang munafik, ia juga pengajaran bagi Muslim;
  - jangan cepat bergembira dengan amal yang telah dibuat
  - jangan cari kepujian dan kemuliaan dari apa yang tidak dilakukan.
2. Dalam larangan gembira akan amal yang dibuat
  - pesanan agar tidak cepat merasa selesa (complacent)
  - yang dituntut ialah rasa syukur
  - apabila beritahu orang tentang sesuatu tugas yang telah dibuat = kerana bersyukur, bukan complacent

3. Dalam larangan untuk mencari pujian pada perkara yang tidak dibuat
  - adab yang perlu ada bagi Muslim apabila beramal
  - garis pandu bagaimana badan dakwah mengusahakan program pembangunan imej dan perhubungan awamnya.
  
4. Jangan kerana hendak tingkatkan imej, buat dakwaan-dakwaan yang tidak betul tentang pencapaian melalui manipulasi statistik dan lain-lain
  - tidak memberi gambaran sebenar
  - dakwaan terhadap sesuatu yang bukan dari hasil usaha langsungnya.

5. Satu kecelaan yang perlu dijauhi, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud, “Sesiapa yang mendakwa satu dakwaan yang bohong agar membanyakkan manfaat dengannya, Allah tidak akan menambah baginya kecuali sedikit (kekurangan).” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

# KULIAH ZOHOR

**“Memilih Antara Dua Mudarat”**

**Masjid Maarof | 6 November 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat Al-Quran

فَانطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا رَكِبَا فِي السَّفِينَةِ خَرَقَهَا قَالَ أَخَرَقْتَهَا  
لِتُغْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا إِمْرًا

“Maka berjalanlah keduanya hingga tatkala keduanya menaiki perahu lalu dia (Khidr) melobanginya. Musa berkata 'Mengapa kamu melobangi perahu itu yang akibatnya kamu menenggelamkan penumpangnya'. Sesungguhnya kamu telah buat sesuatu kesalahan yang besar'.” (Al-Kahfi : 71)

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسَاكِينَ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا  
وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا

“Adapun kapal itu adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut dan aku bertujuan merusakkan bahtera itu kerana di hadapan mereka ada seorang raja yang merampas tiap-tiap kapal.” (Al-Kahfi : 79)



# Pengajaran

1. Ayat ini menerangkan satu kejadian yang dialami oleh nabi Musa a.s dan Khidr
  - Khidr telah membocorkan kapal tanpa menjelaskan sebabnya
  - Nabi Musa a.s. tegur Khidr
  - Khidr menerangkan bahawa dia pecahkan kapal supaya tidak dirampas oleh raja yang zalim
  - Walau pun kapal rosak, ia terselamat dari terus hilang dari pemilik yang miskin
  - Si miskin masih tetap ada aset, kapal boleh dibaiki atau kayu-kayu kapal itu masih boleh dimanfaatkan
  - Lebih baik dari kalau kapal itu dirampas oleh raja

2. Dasar kepada kaedah “Jika bertemu dua kemudaratan, diharuskan untuk menanggung kemudaratan yang lebih ringan”
3. Pilih salah satu dari dua mudarat yang lebih ringan tidak bermakna lemah, kurang warak, takut dan sebagainya - pilihan sukar tetapi, perlu objektif and berani buat pilihan sedemikian
4. Kadang kala dalam dakwah dan hidup perlu buat tindakan yang tidak popular demi maslahat agama dan orang ramai - kerana tindak tanduk Muslim mesti berdasarkan maslahat syariat bukan populariti semata-mata

5. Mengapakah Khidr tidak memilih untuk menghalang raja dari merampas kapal itu? Tidakkah dengan buat sedemikian ia tidak perlu merosakkan kapal itu?
- hanya Allah taala sahaja yang tahu jawapan sebenar
  - namun ia memberi pengajaran
    - > kadangkala dalam usaha hidup, pilihan yang terbaik yang ada baginya ialah bukan dengan berkonfrontasi langsung dengan punca masalah
    - > lakukan sesuatu yang lain atau tanggung salah satu dari mudarat yang lebih ringan

6. Nabi Musa a.s pun tidak tahu semua benda dan boleh tersilap dalam menanggapi sesuatu perkara
  - setinggi mana taraf seseorang, mungkin tersalah
  - sikap perlu dibina dalam diri semua
    - > tidak merasa sentiasa betul
    - > berani untuk berbeza pandangan
  
7. Tanggapan bergantung dengan maklumat yang diketahui
  - Nabi Musa a.s mengkritik Khidr kerana tidak tahu apa yang diketahui oleh Khidr
  - perlulah faham apa jua tanggapan terhadap sesuatu perkara
    - a) mungkin betul berdasarkan apa yang dia tahu
    - b) tidak betul berdasarkan apa yang dia tidak tahu
  - jangan taksub dengan pendapat sendiri
  - perlu berusaha untuk memperolehi sebanyak maklumat sebelum buat tanggapan

8. Boleh tidak memberi penjelasan dahulu apa yang dilakukan jika ada sebab yang wajar e.g mendidik anak, strategi dll.
  
9. Terbuka untuk terima kritikan
  - apabila dikritik, jangan cepat melenting kerana tidak semua orang tahu apa yang dia tahu atau faham apa yang dia lakukan
  - apabila dikritik, berikanlah penjelasan dengan baik